



KECENDERUNGAN PENGGUNAAN DWIBAHASA DI TEMPAT AWAM

OLEH MD NIZAR PARMAN

BAHASA Jiwa Bangsa. Ungkapan indah ini mungkin tidak asing pada pendengaran kita kerana acap kali diucapkan dalam majlis yang lazimnya berkaitan dengan program bahasa Melayu di negara kita. Namun begitu, ungkapan yang indah ini tidak memberikan sebarang makna jika hanya diselitikan untuk memperindah ucapan yang disampaikan tanpa adanya penghayatan.



Di negara yang meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, penggunaan dwibahasa di tempat awam tidak seharusnya berlaku.

Jika kita menelusuri sejarah perkembangan bahasa Melayu yang cukup hebat di Nusantara, terutama ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka, ternyata bahasa ini pernah diangkat sebagai *lingua franca* yang diguna pakai sebagai bahasa perantaraan utama dalam semua urusan di Melaka pada ketika itu. Kerajaan Melaka pada ketika itu bukan sahaja dicemburui kerana kemajuan ekonominya, malah kehebatan bahasa Melayu pada masa itu turut membuka mata pedagang dan pengembara asing dari seluruh dunia, khususnya Eropah. Bukan setakat barang dagangan yang menjadi tumpuan utama mereka, justeru bahasa Melayu juga dianggap sebagai khazanah intelektual Melayu yang perlu dibawa pulang ke negara mereka melalui pelbagai cara.

Sejak kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka ke tangan Portugis, kemudian Belanda dan seterusnya Inggeris, secara perlahan-lahan penguasaan dan fungsi bahasa Melayu kian terhakis. Kesan penjajahan yang berlaku kira-

Perkara 152 Perlembagaan Malaysia secara jelas memperuntukkan bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi di negara ini tanpa menyekat bahasa lain untuk dipelajari, digunakan dan dikembangkan walaupun dengan menggunakan dana awam.

kira lima ratus tahun yang lalu masih terkesan sehingga kini. Kita seakan-akan bergelut untuk memartabatkan bahasa Melayu dan usaha yang dilakukan ini ternyata belum menemui noktahnya. Lebih malang lagi, ada pula segelintir masyarakat di negara ini begitu gigih memperjuangkan bahasa Inggeris sehingga seolah-olah menafikan keupayaan bahasa Melayu untuk berkembang pada peringkat global. Benarkah kita tidak akan maju jika menggunakan bahasa Melayu sebagai medium utama dalam semua urusan di negara ini?

Jika kita hayati, Perkara 152 Perlembagaan Malaysia secara jelas memperuntukkan bahasa Melayu merupakan

bahasa rasmi di negara ini tanpa menyekat bahasa lain untuk dipelajari, digunakan dan dikembangkan walaupun menggunakan dana awam. Namun demikian, jika keutamaan atau kelebihan diberikan kepada bahasa lain melangkaui kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, perkara ini perlu kita renungkan bersama-sama.

Persoalannya, apakah perkara pokok atau isu utama yang bermain dalam minda sebahagian daripada rakyat di negara ini sehingga bersikap pesimisme terhadap keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan terutama di tempat awam? Kecenderungan penggunaan istilah dwibahasa di tempat awam atau nama sesuatu tempat seolah-olah menjadi fenomena di negara kita dewasa ini. Tidak hairanlah jika ada dalam kalangan kita yang tertanya-tanya, di negara manakah kita berada sebenarnya? Adakah penggunaan perkataan *presint* dan *boulevard* bagi menamakan sesuatu jalan atau tempat menjadikannya kelihatan lebih gah berbanding dengan penggunaan istilah kawasan kecil dan lebuah hias?

Di negara yang meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, perkara seperti ini tidak seharusnya berlaku. Jika tiada kawalan yang tegas daripada pihak yang berwajib, perkara ini bukan setakat menjadi kудis, malah akan menjadi barah kepada usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu di negara ini. Maka hari ini, tidak hairanlah jika penggunaan istilah *mall*, *park*, *bay*, *cinema* dan sebagainya





Contoh penggunaan dwibahasa pada papan tanda di sebuah hospital.

semakin berleluasa di negara yang mendaftarkan bahasa Melayu ini. Apakah yang menyebabkan istilah dalam bahasa Melayu kian terpinggir? Mungkin ada pihak yang beranggapan penggunaan istilah pasar raya, taman, teluk, pawagam dan sebagainya belum cukup kuat untuk mengkomersialkan nama sesuatu tempat atau destinasi pelancongan.

Dalam isu penggunaan istilah asing ini, kita tidak boleh bersikap skeptikal dan prejudis akan keupayaan bahasa Melayu. Bahasa Melayu sebenarnya mampu menjadi ekabahasa dalam penyampaian maklumat kepada umum. Dengan cara ini, penggunaan istilah dwibahasa di tempat awam tidak seharusnya berlaku atau tidak perlu sama sekali. Kecenderungan penggunaan istilah dwibahasa di tempat awam sebenarnya budaya yang perlu kita kekang jika benar-benar ingin meletakkan bahasa Melayu pada kedudukan yang tinggi tarafnya. Yang lebih mendukacitakan, penggunaan istilah dwibahasa ini berlaku di sektor awam yang seharusnya menjadikan istilah bahasa Melayu sebagai keutamaan. Antara istilah dwibahasa yang sering digunakan di tempat awam adalah seperti yang berikut:

- i. Tandas – Toilet
- ii. Wanita – Women/Ladies
- iii. Jaga kebersihan – Keep clean
- iv. Tunai – Cash
- v. Prabayar – Prepaid
- vi. Bilik rehat – Rest room
- vii. Senyap – Quiet
- viii. Kecemasan – Emergency
- ix. Unit Kawalan Rapi – Intensive Care Unit

Penggunaan istilah dwibahasa ini sebenarnya boleh merencatkan usaha untuk menyebarluaskan penggunaan istilah umum dalam bahasa Melayu kepada masyarakat Malaysia. Jika kita beranggapan bahawa penggunaan istilah dwibahasa ini akan memudahkan urusan orang ramai, maka kita perlu pula berfikir, siapakah yang dimaksudkan dengan orang ramai itu? Dalam konteks ini, orang ramai boleh kita takrifkan sebagai warganegara atau penduduk di negara ini. Oleh yang demikian, sebagai warganegara yang dikatakan menjunjung perlembagaan negara, mereka seharusnya menguasai bahasa Melayu dengan baik sebelum menguasai atau mengutamakan bahasa yang lain. Dalam erti kata yang lain, peribahasa masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak amat sesuai untuk menjelaskan situasi ini.

Bagi pihak yang lain pula, penggunaan istilah dwibahasa mungkin akan memberikan impak yang positif dari sudut pelancongan. Benarkah dakwaan ini? Jika kita melihat dari aspek yang lain pula, kita boleh menjadikan sektor pelancongan sebagai medium untuk mempromosikan bahasa Melayu pada peringkat global. Jika negara kita mempunyai destinasi pelancongan yang cantik, bersih, menarik dan makanan yang enak, pelancong akan tetap berkunjung ke negara kita untuk menikmatinya tanpa memikirkan soal bahasa.

Maklumat atau informasi boleh disampaikan menggunakan bahasa Melayu sahaja dengan meletakkan gambar atau grafik yang menepati pawai antarabangsa. Sebagai contohnya, dengan meletakkan gambar kepala lelaki atau perempuan serta perkataan "TANDAS" pada pintu tandas, para pelancong boleh membezakan tandas lelaki dan perempuan dan secara tidak langsung mereka akan faham maksud tandas dalam bahasa ibunda mereka atau bahasa Inggeris. Contoh yang lain penggunaan istilah bahasa Melayu dan grafik yang boleh difahami oleh pelancong asing adalah seperti gambar rajah di bawah:

Istilah	Gambar/Grafik
Jaga Kebersihan	
Dilarang Merokok	
Jalan-Sehala	
Had Laju	
Dilarang Meletak Kenderaan	

Sebagai rakyat di negara ini, kita berasa amat bertuah kerana bahasa Melayu ditulis menggunakan abjad rumi dan jawi. Perkataan dalam bahasa Melayu boleh dieja dan dibunyikan dengan mudah berbanding dengan tulisan bahasa lain di dunia. Oleh hal yang demikian, perkataan dalam bahasa Melayu sebenarnya lebih mudah untuk disebut atau dituturkan oleh sesiapa sahaja. Maka, tidak hairanlah jika pendatang asing di negara ini dapat menguasai bahasa Melayu dalam masa yang singkat. Berdasarkan skenario yang berlaku pada hari ini, maka tidak hairanlah jika pada suatu masa dahulu bahasa Melayu pernah menjadi bahasa utama di Nusantara.

Pada 8 Februari 1983, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kini Tun, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu telah mengumumkan Dasar Pandang ke Timur bagi menerapkan nilai dan budaya kerja masyarakat Jepun dan Korea untuk dipraktikkan oleh pekerja dalam sektor awam dan swasta bagi mempertingkatkan prestasi dan kualiti kerja di negara kita. Namun begitu, ini bukanlah bermakna kita meniru bulat-bulat etika dan budaya kerja masyarakat Jepun dan Korea. Pengubahsuaian etika dan budaya kerja ini telah dilakukan bagi menepati sosiobudaya masyarakat Malaysia. Jika kita boleh menggunakan etika dan budaya kerja masyarakat Jepun dan Korea untuk dijadikan model di negara ini, mengapakah kita tidak mencontohi negara-negara ini dalam usaha memartabatkan bahasa mereka?

Di negara Jepun misalnya, kebanyakan papan tanda di jalan raya ditulis menggunakan bahasa Jepun dengan disertakan grafik sebagai panduan kepada pengguna. Perkara ini mungkin menimbulkan kesulitan kepada pelancong asing, namun atas dasar mendaftarkan bahasa Jepun, pendirian rakyat Jepun terhadap bahasa mereka tidak goyah. Malah, kebanyakan papan iklan di negara yang dikenali sebagai negara Matahari Terbit itu menggunakan bahasa dan tulisan Jepun. Ternyata negeri seperti Jepun, Korea, Perancis dan beberapa buah negara maju lain di dunia telah membuktikan bahawa mereka boleh menjadi negara maju dengan mengekalkan bahasa ibunda mereka.

Usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa tunggal di tempat awam, sektor awam dan swasta, perniagaan dan sebagainya, tidak terpikul di pundak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sahaja. Gejala pengabaian

penggunaan bahasa Melayu ini perlu dibendung jika kita benar-benar mahu melihat bahasa ini terus berdaulat di negara kita. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu menyokong dan memberikan kerjasama kepada DBP untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam semua sektor perkhidmatan, perniagaan, pelancongan dan sebagainya. Penggunaan istilah dalam bahasa lain di tempat awam dan swasta perlu diminimumkan atau tidak dibenarkan sama sekali. Dengan cara ini, penggunaan istilah dalam bahasa Melayu sebagai medium penyampaian maklumat dapat dioptimumkan di negara kita.

Kita sebenarnya tidak boleh tewas atau mudah menyerah kalah oleh desakan sesetengah pihak yang mahu menggunakan bahasa lain pada papan tanda, papan iklan, nama tempat dan sebagainya sebagai langkah untuk mendaftarkan bahasa Melayu. Dalam konteks ini, pihak berkuasa tempatan wajar memainkan peranan mereka dengan memberikan khidmat nasihat atau teguran kepada pihak yang mengabaikan penggunaan bahasa Melayu pada papan tanda perniagaan, papan iklan, notis dan sebagainya.

Penggunaan istilah bahasa Melayu yang tekal atau konsisten di tempat awam secara tidak langsung akan mengembangkan bahasa Melayu itu sendiri. Malah, penggunaan istilah ini boleh dipraktikkan di kedai makan atau restoran yang mengekalkan menu hidangan mereka dalam bahasa Melayu. Buktinya, istilah makanan Malaysia seperti nasi lemak, rendang, sate, sambal, nasi beriani telah menjadi sebutan pelancong dari luar negara. Hal ini cukup untuk membuktikan bahawa bahasa Melayu mempunyai potensi untuk terus berkembang pada masa yang akan datang dan tidak mustahil, bahasa ini mampu menjadi salah satu bahasa utama dunia pada masa akan datang.

Kempen dan peluasan penggunaan istilah bahasa Melayu di tempat awam perlu digiatkan dengan pengemblemn tenaga dan inisiatif semua pihak di negara kita. Semua pihak seharusnya mempunyai perasaan cinta dan kasih akan bahasa Melayu yang bukan sahaja telah membuktikan kemampuannya sebagai bahasa perpaduan di negara ini, malah cukup berpotensi untuk menjadi bahasa ilmu yang utama. Maka, tidak keterlaluan jika dikatakan salah satu ciri kekuatan bangsa itu ialah kekuatan bahasanya. PB

